

04/08/1997

Dr Mahathir perjelas tindakan kerajaan Sabtu ini

KLUANG, Ahad - Pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) akan diberikan penjelasan terperinci oleh Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai beberapa tindakan kerajaan termasuk usaha memerangi rasuah.

Perdana Menteri akan menjelaskan perkara itu pada mesyuarat BN, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Sabtu ini.

Setiausaha Agung BN, Datuk Mohamed Rahmat, berkata pemimpin terbabit juga akan dimaklumkan mengenai langkah penyeragaman undang-undang syariah di semua negeri.

Mesyuarat itu juga, katanya, akan mendengar penjelasan pemimpin tertinggi parti mengenai perkembangan terkini yang berlaku dalam negara serta langkah yang boleh diambil bagi menanganinya.

"Kita sudah menetapkan mesyuarat itu berlangsung di PWTC, mulai jam 9.30 pagi Sabtu ini dan Pengerusi BN dijangka menjelaskan beberapa perkara kepada pemimpin parti komponen.

"Penjelasan itu termasuk mengenai usaha kerajaan memerangi rasuah serta penyeragaman undang-undang syariah di semua negeri dan beberapa perkara lain," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat terbabit adalah yang pertama diadakan pada tahun ini mengikut perlembagaan parti yang mewajibkan BN mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Himpunan Mesra Pemimpin Bersama Rakyat kawasan Parlimen Tenggara, di Felde Kahang Timur, dekat sini petang semalam.

Mohamed yang juga Menteri Penerangan, berkata penjelasan itu untuk membolehkan pemimpin parti komponen BN memahami dengan jelas segala tindakan dilaksanakan kerajaan.

"Penjelasan ini akan dapat memberi gambaran sebenar mengenai tindakan kerajaan dan diharap semua parti komponen menerima dan menyokong penuh langkah terbabit," katanya.

(END)